

**UMNO Bahagian Cheras Sokong Tindakan DBKL Tolak Permohonan 'Black 505' di Padang Merbok**  
**Bernama**  
**12 Jun, 2013**

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- UMNO Bahagian Cheras mempertahankan tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menolak permohonan Pakatan Rakyat untuk menggunakan Padang Merbok bagi tujuan perhimpunan 'Black 505', pada 22 Jun ini.

Ketuanya, Datuk Seri Syed Ali Alhabshee berkata tindakan itu sebagai amat wajar demi menjaga keharmonian warga kota disamping menyekat penularan kegiatan politik pelampau.

Beliau berkata, keputusan yang diumumkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phesal Taib semalam sememangnya disambut baik oleh warga kota.

"Ia satu keputusan tepat, DBKL telah mengambil tindakan sejajar dengan kehendak warga kota yang tidak mahu terperangkap dengan perhimpunan politik jalanan tajaan pembangkang," ujarnya dalam laman web [www.umnobahagian.cheras.blogspot.com](http://www.umnobahagian.cheras.blogspot.com)

Beliau menolak tuduhan Anggota Parlimen PKR Pandan, Rafizi Ramli yang mendakwa DBKL terpaksa tunduk kepada tekanan UMNO/BN kerana enggan membenarkan penggunaan Padang Merbok bagi tujuan tersebut.

Tambah Syed Ali, apa yang dilakukan oleh DBKL adalah jelas bagi memastikan persekitaran Ibu Kota bebas daripada kegiatan politik tidak bermoral.

Katanya, Datuk Bandar telah mengambil tanggungjawab untuk menjaga ketenteraman Kuala Lumpur supaya tidak dicemari oleh anasir politik pelampau.

Lagipun jelas beliau, perhimpunan 'Black 505' tidak memberi sebarang manfaat kepada warga kota sebaliknya sekadar untuk memuaskan nafsu politik pemimpin pembangkang.

"Tidak ada jaminan perhimpunan itu bakal berlangsung dalam keadaan aman, pengalaman lalu menunjukkan pembangkang menjadikannya pentas untuk memaki hamun dan memfitnah kerajaan," tegasnya.

Beliau berkata, warga kota lebih selesa menjalani rutin kehidupan harian mereka tanpa diganggu-gugat oleh kekacauan politik yang sengaja dicituskan oleh pihak pembangkang.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=955544>